

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 14**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan menyatakan usaha untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 agar lebih relevan dengan isu pencemaran yang berlaku seperti di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim sedang menggubal baharu Akta Alam Sekitar bagi menggantikan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Bagi memastikan Akta baharu Alam Sekitar lebih relevan dan berkesan, pihak Kementerian telah melantik Akademi Sains Malaysia untuk mengkaji kelemahan AKAS dan mencadangkan pengukuhan.

Secara amnya, skop Akta baharu Alam Sekitar akan diperluaskan supaya merangkumi aktiviti-aktiviti baharu manakala penalti kesalahan dijangka lebih tegas. Kajian oleh ASM dijangka siap menjelang penghujung tahun 2019 dan Rang Undang-Undang akan dimuktamadkan di peringkat Kementerian. Pada waktu ini, Rang Undang-Undang Akta baharu Alam Sekitar dijangka dibentangkan pada sesi kedua Parlimen tahun depan. Sekian, terima kasih.